

30 MAC 2018

Ibu lalok tinggal anak

40 setempat | 30-03-2018

Ibu lalok tinggal anak

■ Anggota AADK cari budak di hotel selepas emak ditahan positif dadah

Mohd Hasbi Sidek
mohd.hasbi@nsp.com.my

Kuala Lumpur

Anggota Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) terpaksa mencari anak seorang wanita yang ditinggalkan di hotel berdekatan selepas dia ditahan akibat positif dadah dalam bilik di sebuah hotel di Chow Kit, di sini, jam 9 pagi kelmarin.

Terdahulu, wanita berusia 30 tahun itu ditahan bersama empat individu lain termasuk dua lelaki dalam Operasi Siri 2/2018 dijalankan

anggota AADK dan ujian air kencing dijalankan mendapat dia positif dadah jenis Methamphetamine.

Ketika disoal siasat, wanita itu mendakwa meninggalkan anak lelakinya berusia tujuh tahun di sebuah bilik hotel disewa dengan bayaran RM60 sehari dekat Chow Kit dan pergi ke hotel berdekatan untuk bekerja sebelum dicekup AADK.

Selepas dibawa ke Pejabat AADK Dang Wangi, di sini, semakan mendapati wanita itu mempunyai anak dan anggota AADK mengesahkan kedudukan kanak-kanak berkenaan kerana khawatir tidak individu menjaganya lalu dibawa kepada ibunya.

Ketua Pengarah AADK Datuk Dr Abd Halim Mohd Hussin berkata, 97 individu ditahan termasuk 13 wanita selepas didapati positif pelbagai jenis dadah dalam ope-

rasi itu dijalankan bermula jam 6 pagi kelmarin hingga jam 6 pagi semalam.

"Seramai 193 individu ditahan untuk menjalani saringan ujian air kencing di lebih 10 lokasi membabitkan kawasan penempatan, Projek Perumahan Rakyat (PPR), hotel bujet dan pusat hiburan sekitar ibu kota.

"Daripada jumlah itu, 97 individu ditahan terdiri daripada 84 lelaki dan 13 wanita berusia antara 16 hingga 56 tahun," katanya ketika dijumpai selepas operasi.

Beliau berkata, semua yang ditahan didapati positif pelbagai jenis dadah Methamphetamine, Ampphetamine, heroin dan ganja.

"Kami turut merampas pelbagai jenis dadah iaitu Eramin 5, Methamphetamine, ekstasi dan pil kuda da dalam serbuan itu," katanya.

Serbuan di sekitar Chow Kit dan Dang Wangi dalam operasi fasa dua bermula jam 12 tengah malam kelmarin tadi dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha Keselamatan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Seri Nadzri Siron.

FAKTA
97 individu ditahan termasuk 13 wanita didapati positif pelbagai jenis dadah



NADZRI (dua dari kiri) bersama Dr Abd Halim (ketiga dari kiri) memeriksa wanita ditahan positif dadah bersama anaknya.